



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

2 Julai 2021

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14 PADA 26 JULAI 2021

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) menjunjung titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dalam kenyataan media Seri Paduka Baginda pada 28 Jun 2021 yang mahu Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Parlimen bersidang bagi menjalankan fungsi sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap Kerajaan.
2. Sehubungan itu, saya selaku Pengerusi PAC Parlimen ke 14 akan memanggil Jawatankuasa ini untuk bersidang pada 26 Julai 2021, Isnin, jam 2 petang.
3. Surat pemakluman tarikh mesyuarat PAC Parlimen sudah dihantar ke Datuk Azhar Azizan Harun, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, hari ini.
4. Mesyuarat ini, akan diadakan secara fizikal membabitkan semua ahli-ahli PAC serta ahli-ahli *ex officio* Jawatankuasa ini bagi membincangkan mengenai jadual mesyuarat PAC yang akan datang terutama sekali membabitkan kes-kes yang tertangguh sebelum ini, serta mengemaskini jadual mesyuarat.

5. Bagaimanapun, Jawatankuasa ini terbuka untuk mengadakan mesyuarat ini secara hibrid sekiranya tidak melanggar mana-mana Peraturan Mesyuarat Majlis-Majlis Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.

YB Wong Kah Woh